



08 JAN, 2026

BUDI95 program subsidi bersasar paling mencabar bagi kerajaan

Berita Harian, Malaysia



BUDI95 program subsidi bersasar paling mencabar bagi kerajaan

Isu dianggap amat sensitif, perlu sistem baharu lebih adil kepada sasaran

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Program BUDI MADANI RON95 (BUDI95) adalah cabaran paling besar dalam pelaksanaan subsidi bersasar oleh kerajaan bagi mengurangkan ketirisan dan menghasilkan penjimatan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican, berkata hal ini kerana RON95 adalah isu yang sangat sensitif dari segi politik dan kebanyakan ahli Kabinet amat berhati-hati mengenai isu itu kerana subsidi terbabit telah ditawarkan bertahun-tahun.

Katanya, dari segi teknikal pula, pelaksanaan subsidi elektrik jauh lebih mudah kerana hanya membabitkan satu entiti iaitu Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang cuma perlu menyesuaikan bil dan secara automatik boleh mewujudkan struktur harga berperingkat tanpa pelaburan sistem baharu.

"Diesel juga lebih mudah diurus kerana syarikat logistik boleh mendapatkan harga subsidi berdasarkan kelayakan.

"Mereka masih boleh membeli di stesen minyak sedia ada,



Johan (kiri) pada forum dipengerusikan Ahli ekonomi CGS International Securities Malaysia, Nazmi Idrus pada Hari Korporat Malaysia anjuran CGS International di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hari Anggara/BH)

hanya perlu membuat penyesuaian kecil pada sistem sedia ada, bukan membina sistem baru dari awal.

"Namun bagi RON95, kita memerlukan sistem baharu sepenuhnya. Sistem perlu membolehkan rakyat membeli subsidi di mana-mana stesen.

"Oleh itu, ia memerlukan pembangunan pangkalan data pusat, di mana setiap kali pengguna memasukkan nombor kad pengenalan di stesen minyak, sistem akan menyemak kelayakan mereka dan baki subsidi.

"Kami gembira pelaksanaan setakat ini berjalan lancar. Tiada isu besar dilaporkan, malah kita sudah mula melihat penjimatan," katanya pada sesi Fireside Chat: Balancing Growth, Fiscal and The Global pada Hari Korporat

Malaysia anjuran CGS International di Kuala Lumpur, semalam.

Dalam pada itu, Johan berkata, kerajaan tidak mahu terburu-buru mengurangkan kuota subsidi atau penyasaran berdasarkan kelas pendapatan bagi BUDI95 untuk mengelak bebanan tambahan kepada isi rumah, terutama mereka yang tinggal jauh dari tempat kerja.

Kerajaan sentiasa pantau

Beliau berkata, kerajaan sentiasa memantau data penggunaan BUDI95 dari semasa ke semasa tanpa menjejaskan golongan yang masih memerlukan bantuan.

Katanya, kebanyakan penggunaan RON95 ketika ini adalah untuk perjalanan pergi balik kerja, justeru isi rumah berpendapatan sederhana (M40) yang tinggal

jauh dari tempat kerja berdepan risiko peningkatan kos hidup jika subsidi dipotong.

Malah, tegasnya kerajaan tidak akan melaksanakan penyasaran berdasarkan kelas pendapatan ketika ini walaupun terdapat cadangan penetapan sasaran yang lebih tepat, contohnya menghapuskan subsidi bagi mereka yang berpendapatan lebih RM20,000 sebulan.

"Sesetengah pihak berhujah kuota boleh dikurangkan kerana data menunjukkan 90 peratus rakyat menggunakan kurang daripada 200 liter.

"Namun, kita mesti mengelak daripada membebankan isi rumah yang mempunyai pilihan terhad untuk tinggal lebih dekat dengan tempat kerja.

"Fokus utama kita sekarang

adalah menganalisis data dan mengesan potensi penyalahgunaan. Contohnya, terdapat kes individu yang hanya mempunyai lesen motosikal tetapi dilihat menggunakan kuota RON95 sepenuhnya, yang jelas mencurigakan.

"Setelah data dianalisis dengan lebih terperinci dan sebarang ketidakaturan ditangani, baru kita boleh mempertimbangkan penyesuaian parameter subsidi.

"Ini perubahan besar bagi negara, jadi kita mahu melaksanakannya dengan berhati-hati," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Johan berkata, kerajaan akan terus memantau situasi geopolitik global termasuk konflik antara Amerika Syarikat (AS) dan Venezuela dari perspektif ekonomi terutamanya bagi menilai potensi impaknya terhadap pergerakan harga minyak.

Beliau berkata, secara dasarnya, kerajaan tetap yakin sasaran fiskal yang diumumkan dalam Belanjawan 2026 akan tercapai walaupun terdapat sebarang kejadian di peringkat global.

"Dari sudut positif, apa yang telah kita lakukan adalah melalui reformasi fiskal yang dilaksanakan oleh kerajaan, kita sedar bahawa kita telah secara beransur-ansur mengurangkan kebergantungan kita kepada hasil berkaitan minyak untuk fiskal. Tiada sebab untuk percaya bahawa kita tidak akan dapat mencapai matlamat Belanjawan 2026," katanya.